

Lelaki mengaku tidak bersalah mendatangkan kecederaan terhadap pasangan

# Tendang muka bini sebab cemburu

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

**MELAKA** – Seorang lelaki dihidangkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan menendang muka isterinya sehingga cedera dipercayai kerana cemburu pada awal bulan ini.

Tertuduh, Danial Dallas Abdullah, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Nabihah Mohd. Noor.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan ke atas Norazlinda Ali, 41, dengan cara menendang muka wanita itu.

Kesalahan tersebut dilakukan di sebuah kediaman di Taman Kesidang dalam daerah Melaka Tengah pada pukul 8 malam, 4 Julai lalu.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda maksimum RM2,000

mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan dan dibaca bersama 326A kanun sama.

Difahamkan, tertuduh yang telah mendirikan rumah tangga selama 12 tahun dengan mangsa melakukan perbuatan itu selepas mendakwa isterinya yang bekerja di sebuah kedai makan menjalin hubungan sulit.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Ehsan Nasarudin mencadangkan jaminan sebanyak RM5,000 dikenakan terhadap tertuduh.

Danial yang tidak diwakili peguam bagaimanapun memohon satu jumlah jaminan rendah dengan alasan dia perlu menanggung dua anak dengan gaji bulanan sebanyak RM1,200.

Selepas mendengar rayuan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM4,500 dengan seorang penjamin.

Mahkamah menetapkan 20 September ini sebagai tarikh sebutan semula kes.



**ANGGOTA** polis membawa Danial (tengah) untuk didakwa atas pertuduhan mendatangkan kecederaan ke atas isterinya di Mahkamah Majistret Melaka, Ayer Keroh semalam.